



UNIVERSITAS  
SUMATERA UTARA



INTERNATIONAL  
**SUMMER COURSE**  
ARCHITECTURE  
UNIVERSITAS SUMATERA UTARA



CITYSCAPE CRUSADERS  
ROMBONGAN PELAJAR  
UITM KE ISCA USU 2023



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Perak

# TRAVELOG

JELAJAH KOTA MEDAN, INDONESIA

THE INTERNATIONAL SUMMER COURSE ARCHITECTURE USU 2023

DR LIM SENG BOON  
NORADZSYIAH ADZHAR  
MUHAMMAD IKHWAN HAMZAH



Diterbitkan Oleh:  
Unit Penerbitan UiTM Cawangan Perak  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Perak

Alamat:  
Unit Penerbitan UiTM Perak,  
Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIMA)  
Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,  
32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia

05-3742716  
uitmperakpress@gmail.com

© UiTM Perak Press, UiTM 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disalin, disimpan dalam mana-mana sistem perolehan semula, atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara; elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya; tanpa kebenaran bertulis daripada pengarah Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia      Cataloguing in Publication Data  
No. e ISBN: 978-967-2776-29-1


DR LIM SENG BOON  
NORADZSYIAH ADZHAR  
MUHAMMAD IKHWAN HAMZAH

Cover Design and Typesetting: Muhammad Ikhwan bin Hamzah

**BAB**

**03**

**JELAJAH KOTA LAMA KESAWAN**




Jelajah Kota Kesawan merupakan salah satu aktivitas yang diadakan sepanjang ISCA USU 2023. Kami perlu melakukan **kajian tapak atau lawatan** di sekitar Kota Lama Kesawan selama 2 hari iaitu pada 4 Ogos dan 7 Ogos.

Kami **dibahagikan kepada 4 kumpulan** dan berpecah kepada 4 kawasan dengan diberi nama ***Kesawan Right Atrium, Kesawan Left Atrium, Kesawan Right Ventrism, dan Kesawan Left Ventrism.***

Warenhuis telah kosong sejak kebakaran pada 2019 yang memecahkan bumbung menggunakan bahan kayu.



# FIELD SURVEY: CULTURAL MAPPING AND HISTORIC URBAN LANDSCAPE



Pembahagian kumpulan dipecahkan kepada 4 kawasan seperti di dalam gambar



**Dr Urlike Herbig**

Pensyarah TU Wien,  
Austria



**Punto Wijayanto**

Pensyarah Universitas Trisakti,  
Indonesia



Sesi gambar berkumpul setelah selesai menjelajahi Kota Lama Kesawan pada hari keempat



Bangunan Pos Bloc Medan



Jendela Tjong A Fie Mansion



Keadaan semasa ketika berada di dalam bangunan Pos Bloc Medan

Tempat ini kami perlu lawati sepanjang menelusuri **Kota Lama Kesawan** untuk melihat dan mengkaji akan keunikan dan kecantikan bangunan-bangunan lama serta fasad bangunan yang telah dimanfaatkan serta mempamerkan seni bina **zaman kolonial**. Kota Lama Kesawan merupakan sebuah tempat bersejarah yang dijadikan sebagai tarikan utama pelancongan bagi Kota Medan. Firasat kami menyatakan Kota Lama Kesawan ini agak **sama dengan Bandar Georgetown**, Pulau Pinang di Malaysia, Ini kerana genius loci tempatan memberikan kami suasana di Malaysia. Antara kami dapat melihat berapa-berapa orang **Kota Medan yang berbangsa India dan Cina** serta pelbagai kaum dan suku. Di Kota Medan juga mempunyai kawasan seperti **China Town** dan **Indian District**.

## Museum Perkebunan Indonesia II

Harga Tiket Masuk: IDR 25.000 (RM 7.50)



Gedung BKS PPS di Kota Lama Kesawan, Medan, Indonesia

## GEDUNG BKS PPS

Lokasi pertama tempat kami berehat sewaktu makan tengah hari adalah di dalam **Gedung Badan Kerja Sama Perusahaan Perkebunan Sumatera (BKS PPS)**. Disini kami perlu berjalan sehingga 3 tingkat dengan menaiki tangga antik, panjang dan berpusing nya. Pemandu pelancong mereka sangat mesra dan tak jemu bercerita mengenai sejarah kurun awal saat **kegemilangan Kota Medan** yang membangunkan hasil getah dan sawit sebagai ekonomi utama Kota Medan dan **peralatan perkebunan** yang wujud kurun lamanya. Gedung ini memiliki menara jam yang konon dapat terdengar hingga ke utara Kota Medan. Selain itu, benda yang menarik mata adalah tingkap kaca berwarna asli jarang ditemui lengkap di Kota Lama Kesawan. Pivot di tengah membolehkan berpusing 360 darjah ke semua arah.



Jendela di dalam bangunan Gedung Perkebunan

Kami berasa sangat asyik mendengarkan pencerahan dan ceritanya daripadanya. Kami juga dapat melihat setiap alatan untuk perkebunan yang telah dicipta dengan sangat kreatif di muzium tersebut. Bahkan terdapat peralatan asal dan bersejarah yang dipamerkan disini. Kami sungguh teruja dapat menyaksikan sendiri kesemua peralatan itu. Ini mengingatkan kami kepada **Muzium Padi** yang terdapat di Negeri Kedah yang merupakan tempat mempamerkan bahan-bahan berkaitan padi yang **melibatkan budaya**, penyelidikan dan pembangunan serta perkembangan teknologi padi.



Alat-alatan perkebunan yang digunakan pada suatu ketika dahulu



# TJONG A FIE MANSION



Gambar Tjong A Fie

Perjalanan di **Tjong A Fie Mansion**, menjadi sebuah babak penting dalam perjalanan kami di sini. Setelah menamatkan lawatan di lokasi pertama, kami kembali berhimpun sebelum dipecahkan menjadi dua kumpulan, diiringi oleh seorang pemandu pelancong yang setia, langkah-langkah kami atur untuk menapaki setiap kawasan dan bilik di dalam bangunan itu, sambil menggali lebih dalam tentang sejarahnya. Penjelasan yang disampaikan oleh pemandu pelancong membuka lembaran sejarah, memahami kami tentang **kemegahan Tjong A Fie Mansion**. Walaupun terhadap beberapa pintu rahsia terpaksa kami lewatkan tanpa disentuh, kisah hidup dan kejayaan Tjong A Fie terpahat di dalam setiap sudut mansion ini. Di penghujung perjalanan kami, di hadapan ilustrasi susuk tubuh Tjong A Fie Mansion, kami berkumpul sebagai sebuah kumpulan yang menjadi saksi setiap momen berharga kami disini.



Keunikan jendela Tjong A Fie Mansion



### Tjong A Fie Mansion

Harga Tiket Masuk: IDR 20.000 (RM 6.00)



Cheong Fatt Tze Mansion Courtyard, Georgetown, Malaysia




Tjong A Fie Mansion Courtyard, Kota Medan, Indonesia

Digelar **Permata Bersejarah di Medan**, dengan mempunyai 2 tingkat dan 35 bilik Tjong A Fie Mansion telah dibina pada tahun 1895 di atas kawasan **seluas 8000 meter persegi**. Ia merupakan sebuah mercu tanda bersejarah berdaftar serta berfungsi sebagai sebuah bangunan warisan budaya dan muzium. Rumah agam ini mempunyai seni bina yang berteraskan **elemen-elemen** Cina, Melayu dan Art Deco dalam gaya seni binanya. Rumah agam ini dibina dengan mematuhi prinsip Feng-Shui. Bilik-biliknya terletak di empat sisi struktur **rumah agam** ini yang mengelilingi sebuah halaman terbuka yang besar di tengah-tengah yang menandakan sebuah **Telaga Syurga**. Bangunan ini sangat mirip dengan **Cheong Fatt Tze Mansion** di Georgetown, Malaysia atau dikenal dengan **The Blue Mansion** yang memenangi anugerah Pemuliharaan & Warisan UNESCO yang berprestij.

## POS BLOC MEDAN YANG TERSERGAM INDAH

Salah satu detik paling berkesan dalam menyelami keindahan seni bina bersejarah di sini adalah ketika kami berkenalan dengan **Pos Bloc Medan**, sebuah ruang kreatif yang **mengalami transformasi** luar biasa selama lebih daripada enam bulan. Kerjasama gemilang di antara PT. Pos Properti Indonesia dan PT. Ruang Creative Pos telah berhasil mengubah Bangunan Pejabat Pos Medan yang telah **berusia 111 tahun** menjadi sebuah pusat kreativiti yang bercorak multi-fungsi, sambil menarik perhatian pelbagai komuniti kreatif di Kota Medan.





Bangunan ini, yang kini telah menjadi ikon Kota Medan, memiliki seni bina yang begitu unik dengan perpaduan gaya Eropah yang elegan dan ciri-ciri tempatan yang kental. Melalui metamorfosisnya, **Pos Bloc Medan** tidak hanya menjadi ruang publik yang menginspirasi, tetapi juga menyiratkan keindahan dan kebanggaan sejarah yang tak ternilai.



Gambar kawasan Pasar Hindu di Kota Lama Kesawan




Pasar Hindu kawasan Kota Lama Kesawan

## PASAR HINDU

Pasar ini dinamakan sebagai **Pasar Hindu** kerana terletak di Hindoestraat (Jalan Hindu), yang didiami oleh etnik India. Kini, kebanyakan kumpulan etnik India telah berpindah ke Kampung Keling (barat daya Kota Lama Kesawan), dan kumpulan etnik Cina kebanyakannya menduduki pasaran. Pasar Hindu merupakan **pasar pertama** di kawasan Kesawan, dan kemudiannya, pasar tersebut **berpindah** ke Pasar Ikan Baru (kini dikenali sebagai Pajak Ikan Lama), yang ditubuhkan sebagai pasar ikan. Namun, pada hari ini, Pajak Ikan Lama merupakan pasar tekstil.

**Menariknya**, sementara perkataan bahasa Indonesia rasmi untuk pasaran ialah "pasar," dalam bahasa Medan, pasar bermaksud "lebih raya." Selain itu, Pajak dikenali sebagai pejabat cukai, tetapi penduduk Medan mengenali Pajak sebagai pasar.



Pelbagai aktiviti jual beli di waktu pagi



Penduduk sekitar memenuhi kawasan Pasar Hindu



Becak bermotor (Betor) sebagai salah satu mod pengangkutan di Kota Lama Kesawan



Sesi bergambar bersama peserta ISCA USU 2023 dan para pengajar di dalam bangunan Pos Bloc Medan

## EKSPEDISI ILMU

**Lawatan tapak** di Kota Medan ini merupakan sebuah ekspedisi ilmu yang meninggalkan kesan yang mendalam bagi kami, **sebagai pelajar Seni Bina**. Walaupun aktiviti mengumpulkan data di lapangan mungkin telah menjadi sebuah rutin bagi kami, namun pengalaman **menjelajah Kota Lama Kesawan** bersama teman-teman dari Universitas Sumatera Utara (USU) akan selalu tersemat di dalam jiwa dan raga kami. Ini bukan hanya sekadar suatu kunjungan lapangan, ia juga sebuah pengembaraan yang menghidupkan kembali semangat pengetahuan kami dan mengukir kenangan yang abadi dalam perjalanan ilmu seni bina kami.



Sesi bergambar ahli kumpulan, dari kiri Farah (UiTM), Syifa (USU), Arif (USU), Nora (UiTM), Hadif (UiTM) dan Dharmadi (UNIKA)



Dr. Ulrike sedang menerangkan keadaan semasa Kota Lama Kesawan



Sesi bergambar Syamil, Aidil, Ikhwan dan Erdina



Sesi berbincang bersama Pak Punto ketika waktu rehat dari kajian lapangan



Dr. Lim sebagai pensyarah pemerhati ISCA USU 2023 bersama Dharmadi (UNIKA)



Sebahagian rakan-rakan dari Medan ketika sesi kajian lapangan di Kota Lama Kesawan



Gambar pemandangan atas Kota Lama Kesawan dari arah barat dengan menggunakan dron





## KEELOKAN BANDAR KESAWAN

**Aku menjelajahi** keelokan Kesawan dengan penuh kagum semasa melibatkan diri dalam aktiviti lapangan, ditemani oleh dron yang telah diimport dari Malaysia. **Perasaanku meluap-luap** ketika aku mengamati kesawan dari ketinggian, dibayangkan melalui lensa dron yang membuka perspektif baru tentang bandar ini.

Keajaiban terletak pada **kepelbagaian reka bentuk bangunan** bersejarah yang memikat, di samping atmosfera persekitaran yang hidup. **Menerobos** kesesakan lalu lintas, pengalaman ini mencipta keghairahan yang melebihi bayangan aku sebelumnya.





Gambar pemandangan atas Kota Lama Kesawan dari arah selatan dengan menggunakan dron



Sesi bergambar berkumpul di dalam bangunan Tjong A Fie Mansion



e ISBN 978-967-2776-29-1



9 789672 776291